

1249/2
Sejarah
Kertas 2
SEPTEMBER
2024
2 ½ Jam

GEMPUR KECEMERLANGAN
SPM 2024

SEJARAH
Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
- 2. Jawab **semua** soalan daripada **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
- 3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
- 4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
- 5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B**.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat sebelah]

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 Dialog tersebut berkaitan waadat antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun.

Sang Sapurba: Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun.

Demang Lebar Daun: Baiklah Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah.

Sumber: W.G. Shellabear, 1995, Sejarah Melayu.
Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- (a) Apakah yang anda faham tentang konsep waadat?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka yang selaras dengan konsep waadat.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Apakah kesan jika waadat tersebut tidak berlaku?
Beri penjelasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2(a) Nyatakan **dua** negara yang mengamalkan ideologi komunis.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan usaha kerajaan untuk menangani ancaman komunis di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Baca pernyataan berikut.

Komunis ialah satu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara.
--

Mengapakah fahaman tersebut perlu ditolak oleh penduduk di negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan menjadi panduan dalam sistem pemerintahan negara.

(a) Jelaskan ciri Perlembagaan Persekutuan berikut :

(i) Ciri tradisional

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(ii) Ciri moden

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(b)

Perlembagaan merupakan dokumen penting membentuk asas dan struktur negara berdaulat. Perlembagaan bertujuan menjamin kestabilan politik dan keadilan sosial.

Sumber diubahsuai daripada: <https://www.bharian.online>, September 2023

Ulasakan petikan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Rancangan Malaysia Pertama diperkenalkan oleh kerajaan untuk menangani isu pembangunan dan ekonomi negara selepas pembentukan Malaysia.

(a) Apakah isu pembangunan ekonomi tersebut?

.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Jelaskan usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi isu di 4(a).

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Kemakmuran ekonomi dapat menjamin kesejahteraan rakyat di negara kita.
Beri komen anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.


- 5 (a) Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]
- (b) Mengapakah penduduk tempatan tidak menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948? [6 markah]
- (c) Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis kepada wujudnya kerjasama pelbagai kaum di negara kita sehingga kini.



Sumber: <https://online.fliphtml5.com/ouawy/hvnu/>
[8 markah]

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

- 6 Peta berikut menunjukkan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London.



- (a) Jelaskan perjalanan rombongan tersebut.

[6 markah]

- (b) Huraikan kejayaan rundingan kemerdekaan.

[6 markah]

- (c) Teliti maklumat dalam petikan berikut

Malaysia sangat unik kerana kita mencapai kemerdekaan secara aman tanpa pertumpahan darah dan masyarakat tidak melalui penderitaan seperti negara lain. Pemimpin kita mementingkan rundingan sebagai saluran terbaik dengan strategi bijaksana membuahkan pencapaian kemerdekaan.

Kemerdekaan dicapai melalui semangat perpaduan dan permuafakatan pelbagai bangsa. Kebijaksanaan pemimpin terdahulu perlu diteladani pemimpin sekarang kerana mereka menyelamatkan negara ini daripada kekacauan dan konflik yang boleh membawa kesengsaraan kepada rakyat.

Sumber ubah suai: <https://www.bharian.com.my>, 29 Ogos 2023

Berdasarkan petikan tersebut, ulaskan keunikan Malaysia mencapai kemerdekaan.

[8 markah]

7 Malaysia mengamalkan prinsip demokrasi sebagai salah satu asas pemerintahan negara.

(a) Jelaskan sistem pilihan raya dalam amalan demokrasi di negara kita.
[6 markah]

(b) Mengapakah amalan demokrasi perlu dikekalkan?
[6 markah]

(c) Teliti gambar berikut.



Sumber: <https://seribuombak.wordpress.com>, 17 Julai 2019

Huraikan maklumat yang terkandung dalam gambar tersebut.
[8 markah]

- 8 (a) Jelaskan sejarah pembentukan Rukun Negara. [4 markah]
- (b) Rukun Negara mempunyai lima prinsip yang perlu dihayati oleh semua rakyat Malaysia.
Terangkan prinsip tersebut. [8 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

Lima prinsip Rukun Negara bukan hanya setakat perlu dihafal dan dihayati, sebaliknya ia perlu dipraktikkan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini, agar perpaduan lebih utuh dan elakkan sengketa antara kaum. Kelima-lima prinsip Rukun Negara seharusnya dijunjung oleh rakyat Malaysia pada setiap masa.

Semua rakyat telah didedahkan dengan lima prinsip Rukun Negara ketika di bangku sekolah sejak ia diperkenalkan pada tahun 1970, dengan menghafal dan menghayati setiap daripada prinsipnya.


Pengamalan Rukun Negara dalam kehidupan seharian dilihat masih banyak kekurangannya dan kerana itulah banyak isu membabitkan perkauman dan keagamaan sering timbul, sehingga mewujudkan sengketa dalam kalangan pelbagai kaum.

Malaysia memerlukan kekuatan dan komitmen seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama, bagi melonjakkan negara ke tahap terbaik dan bermaruah, selain tidak boleh menysihkan atau memusuhi mana-mana kelompok serta kaum sama ada majoriti mahupun minoriti atas apa jua alasan.

Sumber ubah suai: Astroawani.com, 11 April 2024

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan huraikan kepentingan menghayati prinsip Rukun Negara. [8 markah]

- 9 (a) Jelaskan matlamat dasar luar Malaysia. [4 markah]
- (b) Terangkan faktor penggubalan dasar luar Malaysia. [8 markah]
- (c) Infografik berikut berkaitan dengan keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa.

KEANGGOTAAN MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA	
	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) • Ditubuhkan pada tahun 1967 • Meningkatkan semangat setiakawan dalam kalangan negara serantau
	Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) • Ditubuhkan pada tahun 1969 • Mewujudkan kerjasama di antara umat Islam sedunia
	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) • Ditubuhkan pada tahun 1945 • Mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia

Mengapakah Malaysia perlu memperkukuhkan keanggotaan dalam pertubuhan tersebut?
Berikan penjelasan anda.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT